



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
Portal : www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (64)

Tarikh : 9 Oktober 2013

SIARAN MEDIA

ORANG AWAM DAN KONTRAKTOR JANGAN TERPEDAYA DENGAN PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RM96,000.00 – RM195,000.00 SEBUAH) OLEH SEBUAH KOPERASI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Putrajaya, 9 Oktober – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN), mengingatkan orang awam, bakal pembeli rumah dan para kontraktor agar berhati-hati terhadap program rumah mampu milik yang ditawarkan oleh sebuah Koperasi di Semenanjung Malaysia.

Ketua Pengarah JPN Dato' Dr. Mohd Padzil Bin Hashim berkata, "JPN telah menerima banyak pertanyaan daripada orang awam mengenai kesahihan skim rumah mampu milik yang ditawarkan oleh sebuah Koperasi yang menggunakan nama Putrajaya. Jenis rumah yang ditawarkan adalah banglo dan rumah berkembar dengan harga di antara Koperasi ini juga dikatakan memberi tawaran kepada para kontraktor yang berminat mendapat kontrak kerja-kerja binaan skim perumahan tersebut dengan syarat perlu memberi deposit yang agak tinggi kepada Koperasi tersebut".

Siasatan JPN mendapati bahawa Koperasi berkenaan tidak mempunyai lesen pemajuan perumahan serta permit iklan dan jualan seperti dikehendaki di bawah Seksyen 5, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan-Peraturan.

Ketua Pengarah, JPN menegaskan, "Mana-mana pemaju perumahan yang melanggar

atau gagal mematuhi Seksyen 5 di bawah Akta 118 adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit (RM250,000.00) tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya,”

Koperasi ini juga telah melantik agen-agen jualan untuk urusan jual beli rumah dan para pembeli yang berminat perlu membuat permohonan terus kepada agen-agen ini. Kerja-kerja kontrak binaan juga diuruskan oleh agen-agen tersebut dan mengutip deposit daripada para kontraktor yang berminat.

Ketua Pengarah JPN menyeru orang ramai agar memberi maklumat dan melaporkan kepada Jabatan Perumahan Negara sekiranya menemui tawaran skim perumahan yang meragukan. Bakal pembeli rumah juga boleh menyemak maklumat pemaju dengan melayari laman web Jabatan Perumahan Negara iaitu <http://ehome.kpkt.gov.my> atau menghubungi Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perumahan Negara di talian: 03 – 8000 8000.

JPN menasihati orang awam dan bakal pembeli rumah agar berhati-hati terhadap skim perumahan yang ditawarkan oleh mana-mana pihak supaya hak pembeli rumah dapat dilindungi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my